

NOVEL PANTAI KASIH

Tema

Tema novel ini ialah ketabahan hati seorang wanita dalam menghadapi pelbagai rintangan dalam hidupnya. Raiha tabah menghadapi halangan ayahnya yang tidak menggalakkannya menjadi pakar bedah dan berkahwin dengan Doktor Sadiz. Dia juga tabah menjalani dugaan memiliki anak yang cacat, malahan anaknya itu mati dalam kebakaran kereta. Doktor Raiha juga tabah menghadapi cabaran dalam kerjayanya, iaitu pencerobohan di tempat kerjanya oleh bekas pelajar perubatan yang tidak tamat pengajian dan kompilasi yang dialami oleh seorang pesakit yang tidak sembuh-sembuh meskipun telah menjalani lima pembedahan.

Persoalan

- Persoalan kos rawatan mahal di pusat perubatan swasta.**
Sebagai pusat perubatan swasta, Pusat Rawatan Pantai Kasih (PRPK) mengenakan kos rawatan yang mahal kepada pesakitnya.
- Persoalan kesediaan memikul tanggungjawab.**
Doktor Raiha bersetuju untuk melakukan pembedahan terhadap Unong Siron demi menyelamatkan nyawa pesakit itu.
- Persoalan mengutamakan kepentingan diri daripada kepentingan masyarakat.**
Doktor Uwang mengenakan bayaran perkhidmatan yang mahal kepada pesakit-pesakit PRPK demi mengaut keuntungan. Felicia juga sanggup membawa pesakit yang kurang berkemampuan mendapatkan rawatan di PRPK untuk mendapatkan ganjaran lima peratus keuntungan daripada Doktor Uwang.
- Persoalan mementingkan status dan maruah diri.**
Sebagai pakar perunding pembedahan yang hebat dan terkemuka, Doktor Sadiz memaksa Doktor Raiha menggugurkan kandungan bayinya yang cacat kerana dia lebih mementingkan status dan maruah dirinya.
- Persoalan kasih sayang ibu terhadap anak yang cacat.**
Meskipun Doktor Raiha mengetahui kandungannya cacat, dia tetap ingin melahirkan bayi itu dan membesarkannya dengan baik.

Teknik plot

Teknik dialog	- Datu Ontong dan isteri Doktor Uwang berbual-bual tentang bahaya ubat tradisional.
Teknik monolog dalaman	- Doktor Raiha mempersoalkan sama ada PRPK sengaja memerangkap pesakit yang berkemampuan datang untuk mendapatkan rawatan di situ.
Teknik imbas kembali	- Doktor Raiha teringat akan peristiwa Doktor Uwang mengajarnya unsur-unsur pembedahan.

Watak dan Perwatakan

Raiha (Watak utama)	<ol style="list-style-type: none"> Dia isteri Doktor Sadiz dan ibu Ayu (Rohayu binti Sadiz). Dia berpendidikan tinggi dan profesional. Buktinya, dia lulusan salah sebuah institusi pengajian tinggi tempatan yang terkemuka dalam bidang perubatan, spesifikasi ortopedik. Pekerjaannya ialah pakar bedah. Raiha tegas dalam membuat keputusan. Buktinya, dia tetap mahu menjadi pakar bedah dan berkahwin dengan Doktor Sadiz meskipun tidak direstui oleh ayahnya. Di samping itu, dia tetap meneruskan
---------------------	---

	<p>kandungannya walaupun tindakannya itu ditentang hebat oleh suaminya.</p> <p>d. Dia juga amanah dan bertanggungjawab. Buktinya, dia tetap melaksanakan arahan Doktor Uwang untuk melakukan pembedahan terhadap Unong Siron. Selain itu, dia berusaha untuk memastikan pembedahan itu memuaskan hati semua pihak.</p> <p>e. Dia penyayang. Buktinya, dia sanggup melarikan anaknya kerana tidak rela anaknya itu dihantar oleh suaminya ke pusat rawatan khas bagi kanak-kanak sindrom Down. Dia sangat sedih apabila teringat akan kematian anaknya itu.</p> <p>f. Raiha juga tabah dalam menghadapi pelbagai rintangan. Buktinya, dia reda menerima takdir kematian anaknya dalam kebakaran.</p> <p>g. Dia juga prihatin akan orang lain. Buktinya, dia prihatin akan nasib Unong Siron yang terpaksa menjalani pembedahan sebanyak enam kali pada bahagian yang sama.</p>
Doktor Sadiz	<p>a. Dia suami Doktor Raiha dan ayah Ayu (Rohayu binti Sadiz). Sebelum berkahwin dengan Doktor Raiha, dia duda yang memiliki dua orang anak.</p> <p>b. Dia adik bongsu Datu Ontong dan bapa saudara Doktor Uwang.</p> <p>c. Dia bekerja sebagai pakar perunding pembedahan di Hospital Kinabalu.</p> <p>d. Dia materialistik dan mementingkan status diri. Buktinya, dia memiliki kereta Porsche dan tinggal di kondominium mewah.</p> <p>e. Secara luaran, dia kelihatan seperti seorang lelaki budiman, tetapi perwatakannya yang sebenar adalah sebaliknya. Dia tidak mempunyai perasaan kasih sayang. Buktinya, dia bercadang untuk menghantar anaknya yang kurang upaya ke pusat rawatan khas bagi kanak-kanak Sindrom Down kerana tidak dapat menerima anak yang cacat.</p> <p>f. Dia pendendam. Buktinya, dia tidak mahu menceraikan Doktor Raiha supaya Doktor Raiha merana sebagai membalas dendam kerana malu apabila Doktor Raiha menuduhnya membakar kereta miliknya sendiri di luar mahkamah.</p> <p>g. Doktor Sadiz meninggal dunia setelah terlibat dalam kemalangan jalan raya.</p>
Doktor Uwang	<p>a. Dia anak Datu Ontong, anak tiri Emi, dan anak saudara Doktor Sadiz.</p> <p>b. Pekerjaannya ialah pakar bedah di Pusat Rawatan Pantai Kasih (PRPK), iaitu pusat perubatan swasta yang diwarisinya daripada ayahnya sendiri.</p> <p>c. Dia bijak dan berbakat dalam menguruskan perniagaan. Buktinya, dia menambahkan bilangan doktor dan wad di PRPK sebaik-baik sahaja pengurusan PRPK diserahkan sepenuhnya kepadanya.</p> <p>d. Doktor Uwang mata duitan. Buktinya, dia mengenakan bayaran rawatan yang mahal kepada para pesakitnya.</p> <p>e. Dia juga tidak jujur dalam pekerjaannya. Buktinya, dia membeli peralatan tiruan dan bermutu rendah khas untuk pesakit golongan menengah bawah dan pertengahan.</p> <p>f. Dia tidak jujur sesama manusia. Buktinya, dia tidak memberitahu punca kematian Ayu kepada Raiha sedangkan dia menjadi saksi kejadian.</p> <p>g. Pada akhir cerita, Doktor Uwang cedera parah setelah terlibat dalam kemalangan jalan raya yang menyebabkan pergelangan tangan dan lututnya hancur.</p>

1. Latar tempat

- a. Di Hospital Kinabalu - Doktor Raiha bertugas di Hospital Kinabalu setelah menamatkan pengajiannya.
- b. Di Pusat Rawatan Pantai Kasih (PRPK) - Ketika baru dibuka, hanya ada tiga orang doktor berkhidmat di sini, iaitu Datu Ontong, Doktor Alex Ng, dan Doktor Uwang.
- c. Di bilik pejabat Doktor Raiha di PRPK - Doktor Raiha meneliti sinar-X terbaharu kepunyaan pesakit yang bernama Unong Siron.
- d. Di ruang farmasi di PRPK - Felicia mengambil ubat batuk untuk kegunaan sendiri.
- e. Di bilik bedah di PRPK - Seorang pemuda yang menyamar sebagai doktor telah menjadikan Felicia sebagai tebusannya.
- f. Di tembok garaj di PRPK - Doktor Uwang cedera parah apabila kereta yang dipandunya terlanggar tembok garaj tersebut.
- g. Di bilik rawatan kecemasan di PRPK - Doktor Raiha dan Doktor Alex Ng melakukan pembedahan penggantian sendi tulang Doktor Uwang.
- h. Di tepi rumah tumpangan - Doktor Sadiz membakar kereta Porsche miliknya yang ada di tepi rumah tumpangan tersebut.
- i. Di mahkamah keluarga - Perbicaraan kes perceraian Raiha vs Sadiz berlangsung di mahkamah ini.

2. Latar masa

- a. Enam bulan - Doktor Raiha bertugas di Pusat Rawatan Pantai Kasih (PRPK) baru enam bulan.
- b. Hampir sepuluh tahun - Doktor Raiha dan Doktor Sadiz hampir sepuluh tahun berkahwin.
- c. Pada waktu malam - Doktor Uwang ternampak seorang kanak-kanak perempuan berdiri tegak di bawah cahaya lampu di halaman banglonya pada waktu malam.
- d. Pada musim kemarau panjang - Hampir semua peristiwa dalam novel ini berlaku pada musim kemarau panjang.
- e. Menjelang dinihari - Felicia berjumpa dengan Doktor Raiha untuk meminta maaf dan menceritakan rahsia kematian anak Doktor Raiha.

3. Latar masyarakat

- a. **Masyarakat yang bekerja dalam bidang perubatan** - Doktor Raiha, Doktor Uwang, Doktor Sadiz, Doktor Alex Ng, dan Doktor Mohammad serta beberapa orang jururawat seperti Felicia Landosi, Ariana Abdullah, Lisa Chung, Kartini, dan Emma Yong bekerja di hospital.
- b. **Masyarakat yang hidup mewah** - Doktor Raiha dan Doktor Sadiz tinggal di kondominium manakala Doktor Uwang tinggal di bangle dua tingkat yang seperti istana. Mereka memiliki kereta mewah, iaitu Porsche dan Volvo 960.
- c. **Masyarakat kelas menengah bawah dan pertengahan** - Unong Siron berpendidikan sarjana dan akan melanjutkan pelajaran ke luar negara.
- d. **Masyarakat yang mata duitan dan materialistik** - Doktor Uwang membeli peralatan murah dan berkualiti rendah untuk digunakannya dalam pembedahan terhadap pesakit kelas menengah bawah dan pertengahan untuk meraih keuntungan.
- e. **Masyarakat yang tidak reda akan ketentuan Tuhan** - Doktor Sadiz malu akan keadaan anaknya, Rohayu yang sindrom Down.
- f. **Masyarakat yang bertindak negatif untuk mengatasi tekanan perasaan** - Felicia Landosi kerap minum ubat batuk untuk melupakan masalah keluarga dan tekanan yang dihadapinya sehingga menyebabkan dia ketagihan.

Nilai

1. Nilai keberanian

Doktor Raiha berani bertanggungjawab untuk menjalankan pembedahan terhadap Unong Siron agar pembedahan itu akan memuaskan hati semua pihak yang terlibat.

2. Nilai kasih sayang

Doktor Raiha melarikan diri bersama anaknya, Rohayu kerana tidak sanggup berpisah dengan anaknya itu yang akan dihantar ke pusat rawatan untuk kanak-kanak sindrom Down oleh suaminya, Doktor Sadiz.

3. Nilai kerajinan

Felicia yang tinggal di muara sungai rajin belajar sehingga berjaya menjadi jururawat.

4. Nilai baik hati

Doktor Raiha prihatin akan masalah ibu Unong Siron yang terpaksa mengeluarkan wang dan menjaga anaknya di hospital.

5. Nilai kerjasama

Doktor Raiha dan Doktor Alex Ng bekerjasama melakukan pembedahan kecemasan terhadap Doktor Uwang yang terlibat dalam kemalangan.

Pengajaran

1. Kita hendaklah menyayangi ahli keluarga kita.

Doktor Raiha sangat menyayangi anaknya, Rohayu meskipun anak itu tidak normal.

2. Kita mestilah menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab dan ikhlas.

Doktor Raiha bertanggungjawab dan ikhlas dalam melaksanakan tugasnya sebagai pakar bedah.

3. Kita hendaklah berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mencapai matlamat hidup.

Doktor Raiha belajar dengan bersungguh-sungguh untuk mencapai cita-citanya menjadi pakar bedah seperti ayahnya.

4. Kita haruslah tabah menghadapi dugaan hidup.

Doktor Raiha tabah menghadapi bantahan ayahnya tentang cita-cita dan pilihan hidupnya.

5. Kita hendaklah berani berterus terang dan bertindak demi kebenaran.

Sikap Doktor Uwang dan Felicia yang tidak berani berterus terang kepada Doktor Raiha tentang punca kematian anak Doktor Raiha menyebabkan Doktor Raiha gagal dalam tuntutan cerainya di mahkamah keluarga.